

04/09/1997

Isu 6M dijangka panaskan Perhimpunan Agung Umno

Kamal Ahmad

ISU 6M dijangka menjadi intipati ucaptama Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 9 pagi Jumaat ini. Isu 6M itu ialah mufti, moral, muafakat, multimedia, mata wang dan Melayu.

Dr Mahathir dijangka menyentuh secara panjang lebar mengenai isu tiga gadis Melayu menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor yang kemudian disalah tafsirkan pihak tertentu dan mengheret mufti dengan kenyataan kurang tepat. Beliau akan menjelaskan tugas mufti mengikut undang-undang dan peranannya sebagai pihak yang diberi kuasa berhak membuat fatwa serta batas sebagai kakitangan kerajaan.

Apabila Dr Mahathir menyentuh isu mufti, pasti pembahas yang mewakili negeri akan sama-sama berkongsi pandangan. Namun kita yakin pembahas akan berhujah lebih matang dan Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Ninam Shah akan mengawasi emosi dan fakta pembahas. Sikap hentam kromo pasti akan dieksploitasi musuh Umno atau pihak dalam Umno sendiri kerana mereka sedar sinonimnya ulama dan Islam serta sensitiviti orang Melayu terhadap soal agama.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, ketika ditanya bagaimana perhimpunan boleh mengawal perbahasan usul agama khususnya isu mufti berkata: "Umno tidak pernah mencerca dan menyentuh sesiapa..."

Dr Mahathir juga akan mengulangi seruan supaya umat Islam bermuafakat dan sebaliknya memberi amaran mengenai bahaya perpecahan dan permusuhan sesama orang Melayu. Beliau tentu akan melontarkan persoalan yang perlu direnung oleh perwakilan mengenai masa depan umat Islam sejagat menghadapi abad 21 dan keupayaan mereka mendapat nikmat daripada industri multimedia dan teknologi maklumat (IT).

Jika isu politik wang menjadi tajuk perbahasan yang membakar semangat perwakilan dalam dua atau tiga siri perhimpunan agung Umno sebelum ini, isu surat layang dan fitnah politik serta moral politik akan menguasai ruang tahun ini.

Panas diperkatakan sejak sebulan lalu ialah kes surat layang yang mengaitkan Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan pelbagai fitnah.

Dr Mahathir pasti akan melahirkan kekesalan dengan sikap pihak yang bermotifkan politik untuk mengganggu gugat bakal penggantinya. Beliau mungkin mengutarakan usul supaya ada peraturan dalam Umno untuk menghukum ahli yang memfitnah ahli lain. Ini penting kerana jika aduan rasuah terhadap seseorang didapati tidak benar dan bermotif fitnah maka ada hukuman, Umno juga harus melihat kewajaran ada tindakan yang sama untuk pemfitnah dalam Umno.

Tentu ada pembahas yang akan mengutarakan idea tersendiri untuk menangani isu itu. Tentu Umno ada cara untuk menghukum ahli yang tidak cukup bukti tetapi sebenarnya terbabit dengan fitnah seperti polis menangani kes yang tidak cukup bukti.

Apakah surat layang ini boleh dikatakan sebagai permulaan cabaran Anwar menjelang pemilihan perhimpunan agung Umno 1999? Pada masa yang sama, perwakilan tentu menunggu sesuatu daripada Anwar ketika beliau menggulung perbahasan petang Ahad ini. Mungkinkah Anwar akan memberi `gambaran' siapa tokoh bermotifkan politik yang mahu menjatuhkannya?

Perdana Menteri juga dijangka menyorot isu kejatuhan mata wang ringgit dan spekulator keturunan Yahudi, George Soros. Ini ada kaitan dengan ketidakupayaan kita dengan tindakan penyangak spekulator jika kita gagal

menggunakan kebolehan dan kepintaran. Dalam tempoh tidak sampai 1,500 hari untuk memasuki abad ke-21 dan alaf IT, Dr Mahathir tentu akan memberi penekanan dalam ucapannya khusus mengenai pentingnya orang Melayu menguasai IT dan multimedia. Dengan tahap moral yang kritikal dan gejala sosial yang begitu serius membabitkan sebahagian besar remaja Melayu, beliau tentu akan melahirkan rasa bimbang mengenai masa depan orang Melayu ketika melalui kehidupan dalam era IT jika rata-rata remaja lebih berminat dengan budaya hedonisme dan tidak minat belajar.

Presiden Umno itu pasti mahu menggunakan medium perhimpunan di Dewan Tun Hussein Onn itu yang dihadiri hampir 2,000 perwakilan dan ribuan pemerhati bebas, dan ratusan wakil media untuk menjelaskan isu-isu berkenaan serta menyampaikan mesej yang sangat penting itu.

Pada masa yang sama, penjelasan itu harus disebarakan semula oleh media kepada umum, perwakilan kepada ahli peringkat akar umbi dan ahli Kelab Umno di luar negara.

Tajuk IT juga akan dikaitkan dengan perbahasan ekonomi. Pembahas akan membangkitkan peluang orang Melayu menjadi usahawan siber dan digital. Mereka tentu mendesak supaya ada lebih syarikat Melayu menduduki Koridor Raya Multimedia (MSC) selain Telekom Malaysia Berhad. Tentu ramai perwakilan yang bimbang kemungkinan usahawan dan pakar IT Melayu terpinggir dalam projek MSC.

Bab usahawan juga akan dikaitkan dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno awal tahun ini supaya usaha dipertingkatkan untuk melahirkan golongan kelas menengah Bumiputera. Umno tidak harus melihat caranya hanya tertumpu kepada keusahawanan malah pengembangan golongan profesional, teknokrat dan birokrat.

Mungkin antara yang menarik ialah kemungkinan pembahas Umno Wilayah Persekutuan yang pasti membangkitkan soal 'survival' Melayu di ibu kota yang semakin getir dan isu pemilikan hartanah Melayu yang kira-kira 2.0 peratus dan hilangnya penghuni Melayu bagi apabila kawasan setinggian di majukan.

Wakil Pahang yang akan membentangkan usul ekonomi dan disokong oleh Sabah tentu berupaya mengemukakan idea bernas kerana di belakangnya ada Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak. Tergolong dalam generasi muda, Najib tentu mahu membuktikan beliau berupaya melihat lebih jauh dalam hal itu.

Kemudian, persidangan ini buat kali pertama akan menguji IQ dan ketangkasan pimpinan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai Ketua Pergerakan Wanita apabila pergerakan diberi tanggungjawab membentangkan usul agama. Wanita Umno harus mengikis emosi tetapi harus berupaya membangkitkan isu semasa dan yang bukan semata-mata membabitkan kepentingan wanita. Mungkin ada pihak yang mempertikaikan penguatkuasaan Akta Keganasan Rumahtangga dan keupayaan Mahkamah Syariah, isu ibu tunggal dan keruntuhan institusi rumah tangga.

Perhimpunan tahun ini juga akan mencatatkan sejarah apabila perkataan Umno (Baru) akan ditukar menjadi Umno saja. Ini membuktikan kesepaduan semula Umno selepas Tahun Hitam 1987 yang ketika itu Umno diharamkan dan terbahagi kepada dua kumpulan yang pro-Dr Mahathir yang menubuhkan Umno (Baru) dan Tengku Razaleigh Hamzah (Parti Semangat 46). Namun pembubaran Semangat 46 dan kembalinya Razaleigh ke pangkuan Umno akhir tahun lalu membuktikan keupayaan Umno menjadi wadah perjuangan Melayu.

Perwakilan juga berminat untuk mendengar hujah mengenai Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berhubung isu 'memohon maaf kepada Lee Kuan Yew'.

Perbahasan tahun ini perlu lebih matang dan mampu menghasilkan rumusan konkrit untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan mengenai 6M sebelum ia semakin sulit, melarat dan dieksploitasikan. Idea bernas sangat diperlukan

dan MT Umno harus peka dengan persoalan dan maklum balas yang diterima supaya tindakan wajar boleh diambil selepas itu.

(END)